

14/11/1999

Pemuda tidak buat tuntutan

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno tidak akan membuat tuntutan supaya pucuk kepimpinan parti memperuntukkan kuota khas kepada calon pergerakan itu bertanding dalam pilihan raya umum kali ini.

Pemangku ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata mengikut tradisi parti, tiada sebarang kuota atau kerusi yang dikhaskan untuk diisi calon pergerakan itu dalam pilihan raya.

Menurutnya, apa yang penting ialah calon yang dipilih seharusnya mampu meneruskan perjuangan parti dan mempertahankan kerajaan hari ini.

"Dari segi tradisinya tiada kuota, sama ada Pemuda atau negeri. Yang penting sekarang calon yang diketengahkan bukan saja mendampingi dan berbakti kepada rakyat, malah dapat memberi imej yang membanggakan kepada parti dan kerajaan," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Wacana Profesional Muda bersama Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini semalam.

Wacana yang diadakan secara tertutup itu adalah anjuran Majlis Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Usahawan pergerakan itu. Majlis itu dihadiri lebih 500 peserta daripada pelbagai pertubuhan, termasuk agensi swasta.

Hishammuddin berkata, pembahagian kerusi pilihan raya itu bagaimanapun sudah dibincangkan bersama dengan barisan Exco, termasuk Pemuda Negeri dan bersetuju supaya semua pihak bersikap lebih realistik.

"Saya boleh cadangkan banyak nama, tapi kalau kawasan pun tak ada dan mereka akan mengganggu wakil rakyat yang sudah berbakti dan diterima oleh rakyat, kita tidak akan menuntut," katanya.

Ditanya mengenai tindakan Pergerakan Wanita yang meminta supaya pucuk pimpinan menambah calon wanita pada pilihan raya kali ini, Hishammuddin berkata: "Itu adalah pendirian dan cara kepimpinan masing-masing. "Bagi saya yang penting matlamat kita. Sama ada wanita akan mengetengahkan kuota atau sebagainya, bagi saya tidak ada masalah," katanya.

Menurutnya, kesatuan Pemuda dan Wanita sebagai tunjang dan sayap penting parti akan dibuktikan esok, dalam Majlis Penyampaian Amanat Pilihan Raya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Wanita dan Pemuda berikrar akan melaksanakan tanggungjawabnya itu untuk berdepan dengan musuh parti dalam kempen pilihan raya nanti.

(END)